LADA

E-BULETIN LADA

e-Buletin@LADA

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Edisi 1/2021 (Januari - Mac)

2021 PENCAPAIAN HELANG

Prestasi Pencapaian Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG) & Pelaksanaan Inisiatif Strategik

PENCAPAIAN HELANG

RINGKASAN PENCAPAIAN HALA TUJU EKONOMI LANGKAWI

ACARA

PELBAGAI ACARA YANG TELAH DIANJURKAN OLEH LADA

FAKTA VAKSIN COVID-19

VAKSIN : ANTARA FAKTA & MITOS

Hubungi Kami

+6 04 - 960 0600

Januari - Mac
2021

www.lada.gov.my

ISI KANDUNGAN

E-BULETIN LADA EDISI 1/2021

ISI KANDUNGAN
E-BULETIN LADA EDISI 1/2021

KATA PEMBUKA
Amanat/Perutusan Tahun Baru 2021 Ketua Pegawai Eksekutif LADA — **1-2**

Dari Meja Ketua Sidang Pengarang — **3**

1.0 LAPORAN KHAS : PENCAPAIAN HELANG — **4**
- Laporan Khas LADA & PLSB Farm — **5-8**
- Program Komuniti Pertanian Bandar Berskala Kecil Secara Projek Rintis Di Daerah Langkawi — **9-12**

2.0 BERITA ACARA — **13-14**
- Majlis Penyerahan Peralatan Operasi Kepada Angkatan Pertahanan Awam (APM) Langkawi — **15-16**
- Go Langkawi 6hr Endurance Race 2021 — **17-18**
- Program Prihatin Komuniti Cina — **19-20**
- 2,340 Dos Vaksin Selamat Tiba Di Langkawi — **21-22**
- LADA Perkenal Penternakan Udang Karang Air Tawar Di Langkawi — **23-24**
- LADA Bantu Program Imunisasi COVID-19 — **25-26**
- Majlis Perasmian Machinchang Strawberry Farm — **27**
- Majlis Pelancaran Langkawi Cyclotourism Trail Dan Memperkenalkan Ridescape — **28**
- Sesi Penyerahan Surat Kelulusan Projek Kecil Komuniti Fasa 1 Tahun 2021 — **29**
- Sambutan Ketibaan Rombongan Pelancongan Berpakej — **30**
- Langkawi Networking Day 2021 (LND2021) — **31-32**

3.0 SLOT INTEGRITI — **33-34**
- Wacana Integriti — **35-38**

4.0 SLOT KHAS — **39-40**
- Vaksin : Antara Fakta dan Mitos — **41-44**

5.0 LENSA MEDIA — **45-64**

6.0 HEBAHAN — **65-68**

7.0 STATISTIK PEMANTAUAN MEDIA 2020 — **69-72**

SIDANG EDITOR E-BULETIN LADA — **73**

AMANAT/PERUTUSAN

Tahun Baru 2021

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LADA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana kita diberi kesempatan untuk bersama-sama melangkah ke gerbang Tahun Baru 2021. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga kerja LADA yang telah berusaha dengan gigih dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun lalu.

Saban tahun kita menyambut tahun baru dengan melakukan muhasabah untuk menilai kejayaan yang telah dicapai mahupun pelbagai rintangan yang ditempuhi. Mudah-mudahan kedatangan tahun 2021 ini disambut dengan satu tekad untuk kita bekerja keras secara berpasukan dan istiqomah menjalankan amanah.

Kita diuji dengan cabaran yang cukup besar dan getir sepanjang tahun 2020 iaitu dalam mendepani pandemik COVID-19. Cabaran ini bukan sahaja menguji kekuatan kita secara individu, tetapi daya ketahanan kita sebagai agensi kerajaan. Tindakan kerajaan melaksanakan kawalan pergerakan sejak bulan Mac telah mencetuskan norma kerja baharu buat seluruh warga LADA. Tanggungjawab LADA dalam memperjuangkan nasib sektor pelancongan bukan satu tugas mudah. Tindakan pantas LADA dalam memperkenalkan pelbagai inisiatif baharu di bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG) bagi meringankan beban komuniti Langkawi yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 sedikit sebanyak membantu pemulihan ekonomi pulau ini.

Dalam menyempurnakan tugas, kita wajar menitikberatkan kod dan etika penjawat awam seperti menjaga kehadiran bertugas, ketepatan masa, memastikan tadbir urus berkesan dan membudayakan integriti bukan sahaja dalam perkhidmatan yang disampaikan malah dalam sanubari supaya jiwa kita terdidik dan dipandu konsep perkhidmatan berintegriti.

Akhir kata saya mengucapkan **SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2021** kepada semua warga kerja LADA. Semoga tahun 2021 akan menjadikan kita sebagai penjawat awam yang lebih cemerlang, berinovatif, berdedikasi dan bertanggungjawab. Semoga dengan niat suci kita Allah akan membimbing pencapaian LADA yang lebih cemerlang pada tahun 2021.

Sekian, wassalam.

Hezri Adnan

Ketua Pegawai Eksekutif
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

Dari Meja

KETUA SIDANG PENGARANG

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Tuhan Yang Maha Esa, kerana berkat limpah rahmat, taufik dan hidayahnya, e-Buletin LADA Edisi 1/2021 dapat diterbitkan dengan tujuan perkongsian maklumat khasnya kepada warga LADA dan komuniti Langkawi. Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah diberikan kepada semua Sidang Pengarang atas usaha penulisan kreatif untuk merealisasikan penerbitan pertama tahun ini. Sesungguhnya penerbitan e-Buletin LADA ini mencerminkan kesungguhan warga LADA dalam menggembleng tenaga dan membudayakan kerja berpasukan.

Tirai tahun 2021 baru saja menjengah. Sidang pengarang e-Buletin LADA akan terus berusaha dengan lebih rancak bagi menyediakan bahan dan artikel berkaitan program rasmi serta acara pelancongan dan maklumat terkini untuk dijadikan bahan bacaan dan santapan minda warga LADA.

Edisi pertama tahun ini masih berteraskan kandungan yang merangkumi pelbagai bentuk garapan untuk dihebahkan kepada warga LADA. Laporan aktiviti, majlis dan program yang telah dilaksanakan membuktikan LADA sebagai satu keluarga besar yang terus menabur budi dan bakti bukan hanya kepada warganya tetapi paling penting untuk menyejahterakan komuniti di Langkawi selaras dengan misi dan visi LADA.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memberikan komitmen yang terbaik agar setiap agenda pembangunan dan kesejahteraan komuniti Langkawi mampu dilaksanakan dengan jayanya demi kemaslahatan semua.

Sekian, wassalam.

Nordiana Nordin
Ketua Pengarang
E-BULETIN LADA

1.0 PENCAPAIAN HELANG

HALA TUJU EKONOMI LANGKAWI

HELANG
HALA TUJU EKONOMI LANGKAWI

LAPORAN KHAS
LADA & PLSB FARM

LADA – PLSB Farm merupakan satu projek rintis hasil kerjasama antara Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Panorama Langkawi Sdn. Bhd. (PLSB). Projek ini adalah satu inisiatif di bawah strategi pembukaan peluang ekonomi baru iaitu Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi @ HELANG yang telah dilancarkan oleh LADA pada 31 Mei 2020. Projek serampang dua mata ini juga ingin memperlihatkan kepada komuniti setempat bahawa LADA dan PLSB turut menjalankan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi memperkasakan komuniti ke arah kecemerlangan dengan mewujudkan alternatif dan mengurangkan kebergantungan hidup kepada sektor pelancongan.

LATAR BELAKANG PROJEK

Projek rintis ini melibatkan ladang tanaman sayuran berkonsepkan pertanian kontrak (*contract farming*) di tanah milik LADA seluas enam (6) ekar yang telah disertai oleh tujuh (7) peserta anak Langkawi. Projek ini telah mula diusahakan pada 13 September 2020 dengan pelaksanaan kerja-kerja pembersihan kawasan serta pembinaan sementara kemudahan seperti stor dan pusat pengumpulan hasil. Bagi memastikan sayuran yang dihasilkan terjamin, pihak LADA dan PLSB telah mendapatkan bantuan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian Langkawi di bawah bimbingan En. Mohd Khozaid bin Mansor dan juga dari Puan Naira Azlin binti Mat Nasim dari Syarikat Lang Agro Sdn. Bhd.

Terdapat empat (4) jenis sayuran yang diusahakan iaitu kangkung, sawi, bayam dan bendi. Pilihan ini dibuat berdasarkan dapatan kajian pasaran yang telah dijalankan. Sayur-sayuran ini mempunyai permintaan yang tinggi dalam pasaran bekalan mentah di Langkawi. Tempoh tuaian hasilnya juga pendek iaitu antara 25 ke 40 hari.

PEMASARAN HASIL TUAIAN

Langkawi amat bergantung kepada bekalan sayuran dan bahan mentah dari Kuala Perlis. Melihat kepada situasi semasa, hasil kutipan sayuran kini lebih mudah untuk dipasarkan. Antara pemborong sayuran sekitar Langkawi yang telah menyatakan persetujuan untuk menerima hasil tuaian ialah Pasaraya Teow Soon Huat, You Save, peniaga di Pasar Awam Kuah dan Padang Matsirat, Machinchang Petland dan Wildlife Park Langkawi. Malah, hasil sayuran yang dikeluarkan menjadi pilihan utama kerana ia dibekalkan terus selepas kutipan dan bebas daripada penggunaan racun serangga. Justeru, sayuran ini adalah lebih selamat untuk dimakan berbanding sayuran yang diimport dan bebas daripada penggunaan racun serangga.

LAPORAN KHAS
LADA & PLSB FARM

LADA – PLSB Farm telah menuai sebanyak 2,078.19 kg sayuran sehingga 10 Mac 2021 dengan hasil jualan kasar sebanyak RM 7,228.57. Pecahan hasil tuaian berdasarkan jenis sayuran adalah seperti jadual di bawah:

BIL.	JENIS SAYURAN	HASIL TUAIAN (KG)	HASIL JUALAN (RM)
1.	Bendi	163.70	1,046.95
2.	Bayam	722.18	2,702.26
3.	Sawi	193.90	777.10
4.	Kangkung	998.41	2,702.26
	Jumlah Keseluruhan	**2,078.19**	**7,228.57**

Pihak pengurusan amat yakin jumlah hasil ini dapat ditingkatkan apabila keluasan tanah sebanyak enam (6) ekar tanah digunakan sepenuhnya bagi tujuan penanaman.

LAPORAN KHAS
LADA & PLSB FARM

ISU DAN CABARAN

Sepanjang tempoh enam (6) bulan pengurusan LADA – PLSB Farm, beberapa isu dan cabaran yang perlu ditangani telah dikenal pasti bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil tanaman. Pulau Langkawi kini sedang mengalami cuaca panas dan kering ekoran tidak menerima hujan selama hampir sebulan berikutan tiupan angin monsun timur. Ketika ini, suhu di Langkawi direkodkan antara 33 hingga 34 darjah Celsius.

Menurut wakil PLSB, kemarau ini telah menjejaskan kuantiti pengeluaran hasil tanaman kerana sumber bekalan air adalah terhad. Walaupun ladang ini mempunyai tangki tadahan, ia tidak dapat menampung keperluan tanaman. Keadaan bertambah buruk apabila sayuran diserang serangga akibat kerja-kerja pembukaan tanah yang berlaku berhampiran kawasan tanaman yang menyebabkan kematian tanaman.

Namun begitu, pihak PLSB telah mengambil inisiatif dengan menyusun semula jadual penanaman bagi memastikan bekalan sayuran dan hasil tuaian sentiasa ada. Jabatan Pertanian Daerah Langkawi dan PLSB sedang giat bekerjasama bagi mengatasi isu serangan serangga. Satu kaedah akan dikenal pasti dan akan dilaksanakan bagi pencegahan serangga perosak secara lebih efektif sebelum kerja-kerja penanaman baru dimulakan.

RUMUSAN

Projek tanaman ini juga dijangka dapat memberikan hasil sekitar RM 388,700.00 bagi sekali tuaian sekiranya penggunaan tanah dan operasi ladang dapat dimaksimumkan sebaik mungkin. LADA akan terus berusaha mempelbagaikan inisiatif sebagai langkah memulihkan ekonomi setempat dan menjadikan Langkawi lebih kukuh serta berdaya tahan dalam mengharungi fasa pemulihan ekonomi pasca COVID-19.

LAPORAN KHAS

PROJEK RINTIS PERTANIAN BANDAR BERSKALA KECIL

PENGENALAN

Program Pertanian Bandar merupakan program yang membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian bekalan makanan yang diperlukan. Program yang diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian ini melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar dengan sokongan dan penglibatan pelbagai jabatan dan agensi di peringkat negeri dan persekutuan. Berdasarkan situasi tersebut, Program Pertanian Bandar dilaksanakan untuk menggalakkan penduduk bandar menanam sendiri sayur-sayuran atau tanaman makanan di sekitar kediaman mereka supaya beban kenaikan kos sara hidup dapat dikurangkan.

LATAR BELAKANG PROGRAM

Masyarakat Langkawi masih belum didedahkan sepenuhnya kepada amalan dan konsep pertanian bandar. Menyedari hakikat ini, LADA telah melancarkan inisiatif Projek Rintis Pertanian Bandar Berskala Kecil. Program ini menyasarkan objektif seperti berikut:

a) Memperkasa pengetahuan dan kemahiran mengenai bidang pertanian;
b) Memupuk kesedaran dan minat terhadap kepentingan pertanian sebagai penyumbang terus kepada kesejahteraan dan keceriaan persekitaran;
c) Menggalakkan penduduk setempat untuk menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan bagi menampung keperluan harian;
d) Menambah pendapatan sampingan komuniti bandar melalui pengeluaran hasil pertanian; dan
e) Mewujudkan suasana komuniti yang cintakan alam sekitar, sentiasa menjaga keceriaan, kebersihan dan kehijauan.

Projek rintis ini akan dilaksanakan secara berperingkat melalui pelaksanaan tiga (3) fasa:

i. Fasa pertama (1) – Program Tanaman Hidroponik ;
ii. Fasa kedua (2) – Pertandingan Inovasi Pertanian Bandar; dan
iii. Fasa ketiga (3) – Kursus/Latihan Asas Pertanian Bandar.

LADA telah mengenal pasti agensi dan jabatan yang berpotensi menjadi rakan kolaborasi strategik bagi menjayakan projek ini supaya impak yang positif dapat diberikan kepada kumpulan sasaran.

BIL	AGENSI / JABATAN	PERANAN
1.	Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi	Penglibatan sekolah
2.	Pejabat Pertanian Daerah Langkawi	Khidmat nasihat

PELAKSANAAN FASA 1 – PROGRAM TANAMAN HIDROPONIK

Fasa pertama ini mengambil tempoh enam (6) ke tujuh (7) bulan pelaksanaan yang melibatkan enam (6) komuniti terpilih iaitu:

i. Sekolah Kebangsaan Seri Negeri;
ii. Sekolah Kebangsaan Penghulu Ahmad;
iii. Sekolah Kebangsaan Ulu Melaka;
iv. Tahfiz Darul Amar, Kampung Huma Ayer Hangat
v. Masjid Al-Ehsan, Temoyong; dan
vi. Masjid Jaami Al Jadid Ulu Melaka Baru.

Satu sesi penyerahan kit hidroponik kepada para peserta telah berlangsung pada 11 November 2020. Setiap peserta telah menerima dua (2) set kit hidroponik yang secara keseluruhannya bernilai sebanyak RM 16,000.00. Kit hidroponik ini menggunakan sistem Nutrient Film Technique (NFT). Sistem ini mempunyai 20 Hygrowpot dan 20 Net Pot yang mesra pengguna. Sebelum proses penanaman dilaksanakan, setiap peserta akan menghadiri sesi latihan dan perkongsian ilmu bersama pihak pembekal iaitu Lang Agro Sdn. Bhd. yang mempunyai kepakaran akan penggunaan kit hidroponik ini.

LAPORAN KHAS

PROJEK RINTIS PERTANIAN BANDAR BERSKALA KECIL

KEBERHASILAN

Hasil maklum balas yang diterima daripada peserta sangat positif. Tempoh empat (4) bulan pertama pelaksanaan program ini telah berjaya membuahkan hasil tuaian sebanyak tiga (3) hingga empat (4) kali bergantung kepada jenis sayuran yang ditanam dengan purata hasil empat (4) kilo sekali tuaian. Jabatan Pertanian Daerah Langkawi menyarankan peserta menanam sayuran seperti sawi dan bayam yang mempunyai tempoh matang antara 25 ke 20 hari.

Hasil tuaian ini kebanyakannya diagihkan kepada peserta. Bagi sekolah Tahfiz Darul Amar, ia menjadi sumber makanan kepada pelajar yang menginap di asrama. Wakil guru ketika ditemui merakamkan penghargaan kepada LADA kerana membantu pihak sekolah mempelopori bidang pertanian secara hidroponik dan hasilnya dapat digunakan sebagai sumber makanan untuk pelajar. Ini akan menjimatkan perbelanjaan pihak sekolah dalam membeli bahan basah setiap bulan.

Bil.	Nama Peserta	Jenis Tanaman	Kekerapan Tuaian
1.	Sekolah Kebangsaan Penghulu Ahmad	Sawi dan Bayam	3 kali
2.	Sekolah Kebangsaan Ulu Melaka	Sawi dan Bayam	2 kali
3.	Tahfiz Darul Amar, Kampung Huma Ayer Hangat	Sawi dan Bayam	3 kali
4.	Masjid Al-Ehsan, Temoyong	Sawi dan Bayam	2 kali
5.	Masjid Jaami Al Jadid Ulu Melaka	Sawi dan Bayam	3 kali

Selain daripada itu, program ini juga dilihat sebagai salah satu strategi untuk menggalakkan interaksi sosial antara penduduk tempatan. Malah program ini membantu meningkatkan motivasi para peserta bagi membentuk komuniti sendiri dan bekerja secara berpasukan untuk menghasilkan produk makanan sama ada untuk kegunaan sendiri atau untuk dijual.

RUMUSAN

Inisiatif Projek Komuniti Pertanian Bandar ini berpotensi memberi impak positif dalam menggalakkan masyarakat memupuk minat dan meningkatkan ilmu pengetahuan dalam kaedah pertanian moden selain membantu organisasi untuk menambah pendapatan. Kaedah penanaman secara hidroponik dilihat lebih sesuai dan praktikal di fasiliti yang mempunyai ruangan yang terhad.

LADA juga mengharapkan peserta dapat mengembangkan aktiviti penanaman secara DIY melalui penggunaan bahan dan sisa terbuang (*recycling*) yang bersesuaian dengan konsep pertanian bandar. Projek rintis ini juga dilihat mampu dijadikan sebagai contoh bagi pelaksanaan fasa kedua Projek Pertanian Bandar Berskala Kecil dengan membuka ruang dan peluang kepada semua komuniti yang berminat untuk menyertainya.

2.0 BERITA ACARA

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

MAJLIS PENYERAHAN PERALATAN OPERASI KEPADA ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM) LANGKAWI

4 Januari 2021, Kompleks APM - Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA yang turut menyampaikan sumbangan peralatan kepada wakil APM Langkawi iaitu Kapten (PA) Ahmad Shahfikri bin Darus, Pegawai Pertahanan Awam Langkawi. Peralatan operasi yang disumbangkan termasuklah khemah, *chain saw*, *water jet* dan *loud hailer* dengan jumlah sumbangan bernilai RM 17,350. Semoga kerjasama antara LADA dan APM Langkawi dapat diteruskan bagi menjaga kepentingan dan keselamatan komuniti setempat dalam menghadapi bencana.

GO LANGKAWI 6HR ENDURANCE RACE 2021

10 Januari 2021, Pantai Chenang – Buat julung-julung kalinya acara sukan permotoran Go Langkawi 6 Hours Endurance Race 2021 telah berlangsung di litar MORAC Adventure Park, Langkawi. Acara berkonsepkan perlumbaan *karting* tanpa henti selama enam (6) jam ini merupakan penganjuran bersama Lembaga Pembangunan Langkawi dan MORAC Adventure Park.

Acara ini telah berjaya menarik penyertaan 13 pasukan yang terdiri daripada kategori profesional dan amatur dengan penglibatan 49 orang pemandu. Perlumbaan ini turut diserikan dengan penyertaan dua ikon pelumba negara iaitu Alex Yoong dan Mohd Fairuz bin Mohd Fauzi.

Penganjuran acara sebegini diharap dapat mempromosikan Pulau Langkawi sebagai hub penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa termasuklah sukan permotoran *karting*. Selain itu, ia dijangka dapat memperkenalkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan keluarga terkemuka dunia memandangkan sukan ini sesuai ditonton oleh pelbagai lapisan umur.

Acara ini juga berjaya membuktikan penganjuran acara sukan boleh dilaksanakan tanpa mengabaikan SOP yang dikeluarkan oleh pihak MKN dan KKM semasa negara dilanda wabak COVID-19. Usaha-usaha bagi menggiatkan semula penganjuran acara pelancongan pasca COVID-19 akan diteruskan dari masa ke masa demi kelangsungan pemulihan ekonomi di pulau pelancongan ini.

PROGRAM PRIHATIN KOMUNITI CINA

25 Februari 2021, Langkawi - LADA dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan Program Prihatin Komuniti Cina. Program ini dilaksanakan melalui kaedah penyaluran bantuan kepada kaum Cina bagi meraikan Perayaan Tahun Baru Cina dan malam Chap Goh Mei. Objektif program ini adalah untuk membantu meringankan beban komuniti yang kurang berkemampuan bagi meneruskan kelangsungan hidup dalam menghadapi kesulitan dan cabaran susulan penularan wabak pandemik COVID-19.

Program ini dilaksanakan bagi menggantikan Program Sambutan Tahun Baru Cina yang diraikan setiap tahun sebagai tanda perpaduan kaum di Langkawi. JKM telah menyediakan maklumat penerima bantuan supaya program ini dapat mencapai sasaran komuniti yang memerlukan.

Penyerahan bantuan ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA dengan diiringi En. Bun Tham A/L Eh Gin, Pegawai Kebajikan Masyarakat Langkawi, Cik Nordiana binti Nordin, Pengurus Unit Khidmat Korporat dan beberapa orang pegawai LADA.

Secara keseluruhan, sebanyak RM 8,250.00 diperuntukkan bagi penyaluran sumbangan dalam bentuk wang tunai dan barangan keperluan asas kepada 33 orang penerima bantuan. Penerima-penerima ini terdiri daripada Kumpulan B40, golongan Orang Kurang Upaya (OKU), Pesakit Kronik Terlantar dan juga warga emas.

2,340 DOS VAKSIN SELAMAT TIBA DI LANGKAWI

25 Febuari 2021, Langkawi – Sebanyak 2,340 dos vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech selamat tiba di Langkawi hari ini.

Difahamkan, perjalanan bekalan vaksin itu bermula dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang dan diteruskan melalui jalan darat menuju ke Jeti Kuala Perlis.

Ia dibawa van syarikat logistik, DHL Express yang menaiki feri pengangkut Roro yang berlepas dari Jeti Kuala Perlis kira-kira jam 10 pagi sebelum tiba di Dermaga Tanjung Lembung di sini, pada 12 tengah hari.

Tinjauan mendapati, ketibaan vaksin COVID-19 di pekarangan Klinik Kesihatan Air Hangat disambut Pegawai Kesihatan Daerah Langkawi, Dr. Mansor Ismail dan Ketua Pegawai Farmasi Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi, Fathiyah Ali pada 12.40 tengah hari.

Turut hadir adalah Pengerusi Jawatankuasa Program Vaksinasi Langkawi yang juga Pegawai Daerah Langkawi, Saiful Anwar Azmi dan Ketua Polis Daerah Langkawi, Penolong Pesuruhjaya Shariman Ashari.

Saiful Anwar berkata, bagi fasa pertama, pemberian vaksin membabitkan 1,170 petugas barisan hadapan dengan didahului 12 pemvaksin.

Seterusnya, seramai 400 petugas barisan hadapan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima vaksin mulai 1 hingga 4 Mac.

Mereka disusuli oleh petugas barisan hadapan pelbagai jabatan lain bermula 7 hingga 12 Mac di Kompleks Sukan Lembaga Pembangunan Langkawi.

Sumber : Harian Metro Online (25 Februari 2021)

LADA PERKENAL PENTERNAKAN UDANG KARANG AIR TAWAR DI LANGKAWI

4 Mac 2021, Air Hangat - Majlis Penyerahan Insentif Bantuan Perniagaan Lobster Air Tawar (LAT) dan Usahawan Geoproduk telah diadakan di Ayer Hangat Village, Langkawi. Perasmian majlis disempurnakan oleh YBrs. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA dengan diiringi YBhg. Dato' Syed Isa Syed Alwi, Ketua Pegawai Eksekutif DXN Agrotech Sdn. Bhd. serta YBrs. Tuan Haji Rohaizad bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) LADA.

Projek Lobster Air Tawar (LAT) merupakan satu projek rintis hasil kerjasama antara LADA dan Syarikat DXN Agrotech Sdn. Bhd. Kedua-duanya telah mengenal pasti cabang ekonomi baru iaitu perikanan sebagai salah satu sumber pendapatan sampingan yang boleh menjana pendapatan penduduk tempatan dalam jangka masa panjang. Sektor ekonomi sekunder sama ada perikanan atau pertanian dilihat dapat meningkatkan aliran ekonomi dan melahirkan lebih ramai usahawan untuk menghasilkan produk hiliran lain, contohnya produk makanan berasaskan lobster air tawar.

Usaha ini diyakini dapat memberikan faedah kepada penduduk Langkawi yang hilang punca pendapatan apabila sektor pelancongan terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

Projek rintis LAT ini melibatkan 23 individu terpilih yang terdiri daripada pemain industri dan komuniti Langkawi, antaranya kumpulan pemandu teksi, pemandu pelancong dan asnaf. Setiap peserta menerima bantuan sebanyak RM 2,000 dalam bentuk set penternakan udang karang air tawar yang mempunyai 500 anak benih udang. Hasil ternakan ini boleh dituai oleh peserta dalam tempoh lima (5) hingga enam (6) bulan penternakan. Seramai tujuh (7) orang peserta usahawan Geoproduk pula menerima suntikan dana sebanyak RM 3,000 sebagai bantuan bagi memulakan perniagaan mereka. LADA dan kerajaan berharap para penerima bantuan akan terus kekal mendalami dan memanfaatkan ilmu cabang ekonomi baru ini melalui penternakan udang karang air tawar sebagaimana yang dilaksanakan oleh pihak DXN Agrotech Sdn. Bhd. Perniagaan ini juga diharap akan terus berkembang maju dan dapat menjadikan peserta sebagai usahawan yang berjaya.

LADA BANTU PROGRAM IMUNISASI COVID-19 DAERAH LANGKAWI

8 Mac 2021, Klinik Kesihatan Air Hangat – Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Peringkat Daerah Langkawi telah bermula hari ini. Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) mengambil inisiatif menyediakan lokasi bagi melaksanakan program ini iaitu Dewan Badminton di Kompleks Sukan Langkawi. Selain itu, LADA turut menyalurkan sumbangan makanan dan minuman dalam bentuk sarapan, makan tengah hari dan minum petang kepada 40 orang petugas barisan hadapan yang berkhidmat sepanjang program ini berlangsung iaitu selama 25 hari. Jumlah sumbangan makanan dan minuman ini bernilai RM 20,000.00.

Sumbangan ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif pelaksanaan Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) LADA. Tanggungjawab ini merangkumi penyaluran sumbangan ketika berlakunya kecemasan atau bencana seperti kejadian penularan wabak penyakit berjangkit yang tidak terkawal atau pandemik yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara. Dalam hal ini, penyebaran wabak COVID-19 telah mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerugian ekonomi yang amat ketara terhadap seluruh negara, termasuklah terhadap Langkawi sendiri.

Sumbangan ini juga menzahirkan sokongan dan penghargaan LADA terhadap pengorbanan para petugas barisan hadapan yang berjuang melindungi masyarakat dalam menghadapi bahaya penyebaran wabak COVID-19, khususnya di pulau ini. LADA telah diwakili oleh YBrs. Tuan Haji Rohaizad bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) manakala Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi diwakili oleh Dr. Roshayati binti Abu Bakar selaku Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Daerah Langkawi.

LADA selaku agensi persekutuan di Langkawi berharap semua komuniti Langkawi tidak tercicir daripada mendapat manfaat vaksin COVID-19, sekaligus dapat membendung penularan pandemik ini dan mengembalikan kegemilangan industri pelancongan Langkawi.

MAJLIS PERASMIAN MACHINCHANG STRAWBERRY FARM

21 Mac 2021, Cable Car Langkawi – Majlis Perasmian Machinchang Strawberry Farm telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif LADA merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Panorama Langkawi Sdn. Bhd. (PLSB). Program kerjasama antara PLSB dan Lang Agro Sdn. Bhd. ini dilihat akan memberikan pengalaman baru kepada pengunjung pulau ini. Projek ini adalah projek rintis tanaman strawberi hidroponik di Langkawi. Sebagai permulaan, sebanyak 400 pokok strawberi telah ditanam di Puncak Gunung Machinchang.

MAJLIS PELANCARAN LANGKAWI CYCLOTOURISM TRAIL DAN MEMPERKENALKAN RIDESCAPE

24 Mac 2021, Kuala Sungai Melaka – Majlis Pelancaran Langkawi Cyclotourism Trail dan Memperkenalkan Ridescape @ Kuala Sungai Melaka telah diadakan pada hari ini. LADA telah mengenal pasti satu konsep produk pelancongan yang baru untuk dihebahkan di bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG). Inisiatif yang dinamakan Langkawi Cyclotourism ini diperkenalkan sejajar dengan strategi ke-8 pelan tersebut iaitu Promosi Pelancongan Berfokus di bawah teras Budaya Setempat dan Kelestarian.

Konsep Langkawi Cyclotourism adalah berteraskan aktiviti pelancongan berbasikal sambil menerokai alam semula jadi dan menikmati produk pelancongan, budaya serta kehidupan masyarakat setempat.

Dua (2) inisiatif telah dirangka bagi menjayakan Langkawi Cycotourism ini. Inisiatif pertama adalah Pembukaan Semula Trek Berbasikal di Kuala Sungai Melaka hasil kerjasama antara LADA, Pejabat Daerah Langkawi, Majlis Perbandaran Langkawi dan komuniti Mukim Padang Matsirat. Panjang trek berbasikal tersebut adalah 2.4 km dengan latar belakang pemandangan hutan paya bakau dan sawah padi.

Inisiatif kedua pula adalah penghasilan Risalah Langkawi Cyclotourism Trail yang mengandungi maklumat asas berkenaan *trail* atau laluan Cyclotourism di samping maklumat pusat jualan dan perkhidmatan penyelenggaraan basikal di Langkawi.

Cyclotourism ini diharap dapat meningkatkan peluang ekonomi baru bagi komuniti setempat, justeru memulihkan ekonomi yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia.

SESI PENYERAHAN SURAT KELULUSAN PROJEK KECIL KOMUNITI FASA 1 TAHUN 2021

24 Mac 2021, Kuala Sungai Melaka - Sesi Penyerahan Surat Kelulusan Projek Kecil Komuniti Fasa 1 Tahun 2021 Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Haji Abdullah, Pengerusi Bersama Jemaah Pengarah LADA dengan diiringi oleh YBrs. Dr. Hezri Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif dan YBrs. Tuan Haji Rohaizad bin Rashid, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan).

Sebanyak sembilan (9) surat kelulusan projek kecil komuniti telah diserahkan kepada komuniti yang terlibat. Projek-projek tersebut merangkumi pembaikan surau, dewan orang ramai, tabika dan pagar tanah perkuburan, di samping pembekalan karpet dan sistem pembesar suara kepada masjid dan surau di sekitar Langkawi dengan kos keseluruhan sebanyak RM 146,400.00.

Pelaksanaan projek kecil komuniti ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha LADA dalam membantu meningkatkan kesejahteraan dan memupuk semangat perpaduan, meningkatkan keselamatan dan menggalakkan aktiviti kerohanian serta ekonomi dalam kalangan penduduk. Ia juga diharap dapat menjalin hubungan muhibah antara LADA dan penduduk Langkawi.

SAMBUTAN KETIBAAN ROMBONGAN PELANCONGAN BERPAKEJ

25 Mac 2021, Jeti Penumpang Kuah - Rombongan ini merupakan kumpulan pelancong berpakej pertama yang tiba di Langkawi dari Kuala Terengganu selaras dengan pematuhan 100% SOP Gelembung Perjalanan Domestik (*Domestic Travel Bubble*) seperti yang diumumkan oleh YB Datuk Seri Ismail Sabri, Menteri Kanan Pertahanan mulai 10 Mac 2021.

Rombongan Pelancongan Berpakej dari Kuala Terengganu ke Langkawi ini menggunakan khidmat syarikat pelancongan berdaftar dan berlesen dengan MOTAC iaitu Syarikat Pengangkutan Imala Travel & Tours Sdn. Bhd. dari Kuala Terengganu yang bekerjasama dengan Syarikat BCR Langkawi Holidays Sdn. Bhd. selaku *ground handler* di Langkawi.

Rombongan ini bercuti selama tiga (3) hari dua (2) malam mulai 25 hingga 27 Mac 2021. Kumpulan kedua dari Kuala Terengganu dengan SOP yang sama tiba di Langkawi pada 29 Mac 2021.

LANGKAWI NETWORKING DAY 2021 (LND2021)

31 Mac 2021, Langkawi – Dalam usaha memperkasakan semula sektor pelancongan Langkawi, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah memperkenalkan inisiatif Langkawi Networking Day 2021. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha yang telah ditetapkan dalam Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG) dan ia berkait rapat dengan Strategi Pembukaan Semula Langkawi Sebagai Destinasi Pelancongan Yang Selamat.

Fokus utama bagi fasa pasca COVID-19 menumpukan kepada pelancongan domestik bagi menggerakkan semula pakej pelancongan dalam jangka masa pendek dan sederhana. LADA sedang merangka pelan tindakan pembukaan semula Langkawi sebagai destinasi pelancongan dengan pendekatan norma baharu dan ia melibatkan beberapa agensi kerajaan, swasta dan pemain industri di Langkawi.

